

# Karnival kerjaya UMP tawar 10,000 peluang pekerjaan

**KUANTAN** - Karnival Kerjaya Universiti Malaysia Pahang (UMP) University to Industry menawarkan 10,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang.

Karnival anjuran Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya (CPDC) akan berlangsung selama dua hari pada 21 dan 22 April 2018 di Dewan Astaka UMP Gambang, di sini.

Penasihat CPDC, Datuk Ir Jeffrey Chooi Beng berkata, karnival itu membuka peluang kepada lepasan penuntut lepasan IPTA/IPTS mencari peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan masing-masing di samping memperoleh maklumat mengenai kriteria yang diperlukan pihak industri.

Menurutnya, program itu melibatkan 40 syarikat menyediakan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor masing-masing.

"Antara syarikat yang mengambil bahagian termasuklah Bosch Malaysia, Mercedes Benz Malaysia Sdn Bhd, Basf Petronas Chemical Sdn Bhd, Maxtrex Tyre

Manufacturing Malaysia Sdn Bhd, Sunway Properties, Hong Leong Manufacturing Group, Sunway Properties dan banyak lagi.

"Karnival ini turut menyediakan pelbagai aktiviti berkaitan pembangunan pelajar sebagai persediaan untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan seperti *career month, industrial talk, booth camp* dan *resume polishing live interview* dan *one page resume*," katanya.

Beliau berkata, program bermula jam 9 pagi sehingga 4.30 petang itu terbuka kepada semua penuntut UMP dan masyarakat sekitar terutamanya dari Kuantan, Maran, Pekan dan Gambang.

"Bagi yang ingin mencari kerja, mereka hanya perlu membawa resume dan mengikuti sesi temuduga di syarikat dan agensi yang terlibat di lokasi," katanya.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pihak urus setia di talian 09-5492637 atau Facebook *UMPMalaysia* dan *careerafairump2018*," katanya.



Datuk Ir Jeffrey Chooi Beng (tengah) menunjukkan risalah karnival bersama pelajar UMP.